



UNIVERSITY
MALAYA

Peneraju dalam Penyelidikan & Inovasi




UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

IBN KHALDUN

Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari

Disunting oleh:

Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad, Nurdeng Deuraseh,
Sri Rahayu Ismail, Haslinda Abdullah



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
VAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Ibn Khaldun

Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari

Disunting oleh:

Azizan Baharuddin
Zaid Ahmad
Nurdeng Deuraseh
Sri Rahayu Ismail
Haslinda Abdullah



PUSTAKA PERDANA



1010978

250661

Cetakan Pertama 2007
Cetakan Kedua 2009

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun & Relevansinya dalam Tamadun Kontemporari/disunting oleh Azizan Baharuddin ... [et.al]

ISBN 978-983-3070-26-8

1. Ibn Khaldun, 1332-1406--Contributions in Civilization.
 2. Civilization.
- I. Azizan Baharuddin, 1955-.909

Di terbitkan oleh:
Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

&

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Harga: RM30.00

Kandungan

Kata Pengantar	vii-ix
Ucapan Perasmian	1
Ucuptama	3 - 17
IBN KHALDUN DAN TRADISI ILMU	
1. <i>Ibn Khaldun on Medical Science</i> oleh Nurdeng Deuraseh	21-52
2. Dari <i>Fiqh al-Harakah</i> kepada <i>Fiqh al-Hadharah</i>:Menghidupkan tradisi Ibn Khaldun dalam masyarakat Islam kontemporari oleh Amran Muhammad	53-67
IBN KHALDUN ILMU PENDIDIKAN DAN SAINS	
3. Legasi Pemikiran Ibn Khaldun (1332-1395M) Dalam Dunia Pendidikan oleh Ratna Roshida Abd Razak & Mohd Syariefudin Abdullah	71-81
4. Pemikiran Ibn Khaldun: Kupasan Terhadap Pendidikan Awal Kanak-Kanak oleh Zarina Muhammad & Adlina Ab. Halim	83-92
5. Ibn Khaldun Dan Falsafah Sains oleh Mohd Rafie Johan	93-103

IBN KHALDUN DAN PERUBAHAN SOSIAL

6. **Pemikiran Ibn Khaldun Dan Relevansinya Dengan Islam Hadhari Dalam Konteks Ketamadunan, Budaya Dan Agama Di Malaysia** oleh Khadijah binti Mohd Hambali 107-135
7. **Kemewahan Dan Kelalaian Dalam Menjatuhkan Peradaban Manusia: Menelusuri Relevansi Ide Ibn Khaldun Berdasarkan Kehidupan Masyarakat Kontemporari** oleh Sri Rahayu binti Ismail 137-143

IBN KHALDUN DAN MASYARAKAT ISLAM

8. **Pemikiran Ibn Khaldun Tentang Tamadun Mengikut Perspektif Antropologi Kebudayaan: Kesesuaiannya Dalam Tamadun Kontemporari** oleh Ahmad Hakimi bin Khairuddin 147-170
9. **Kajian Kemasyarakatan Dan Ketamadunan (Ilmu 'Umran) Menurut Perspektif Usuluddin: Tumpuan Analitis Terhadap Muqaddimah Ibn Khaldun** oleh Azmil bin Zainal Abidin 171-208

IBN KHALDUN DAN PERUBAHAN SOSIAL

10. **Konsep *Asabiyah* Ibn Khaldun: Inspirasi Untuk Memikir Semula Perpaduan Masyarakat Malaysia** oleh Sarjit S. Gill & Lee Yok Fee 211-225
11. **Kitaran Tamadun Melayu Dari Perspektif Teori Ketamadunan Ibn Khaldun** oleh Samri Sainuddin 227-242

PEMIKIRAN IBN KHALDUN DALAM BIDANG EKONOMI

12. **Pemikiran Ekonomi Ibn Khaldun** oleh Mohd. Hazim Shah Abdul Murad 245-255
13. **Pemikiran Ibn Khaldun Dalam Bidang Ekonomi: Perspektif Sosio-Budaya** oleh Jaffary Awang 257-276

IBN KHALDUN DAN SOSIO POLITIK

14. *Ibn Khaldun's Theories on the Emergence and the Development of the Dynasty: A Brief Discussion* by Nurdeng Deuraseh & Mohd Mahadee Hj Ismail 279-281
15. **Idea Ekonomi Politik Ibn Khaldun: Persoalan Pembangunan Negara** oleh Zatul Himmah Adnan 283-294

IBN KHALDUN DALAM PEMBANGUNAN

16. *Ibn Khaldun and Religious Institutions A Remark On Christianity* oleh Muhammad Azizan Sabjan 297-309
17. **Masyarakat Sedentari (Menetap) Ibn Khaldun: Implikasi Terhadap Masyarakat Bandar Kontemporari** oleh Nobaya Ahmad 311-321
18. **Pemikiran Ibn Khaldun Terhadap Kepentingan Dan Kesan Peniruan Dalam Tamadun** oleh Abd. Wahid Jais & Faezah Kassim 325-342
19. **Warga Tua Dan Pembangunan: Pembentukan Jurang Perbezaan Dari Perspektif Ibn Khaldun** oleh Rahimah Ibrahim 343-355

IBN KHALDUN DAN KEMANUSIAAN

20. **Pengaruh Iklim Terhadap Sifat Manusia: Suatu Catatan dari *Muqaddimah* Ibn Khaldun** oleh Haslinda Hj. Abdullah & Zaid Ahmad 357-364
21. **Relevansi Pemikiran Ibn Khaldun Terhadap Kajian Peradaban Masyarakat Peribumi** oleh Normala Othman 365-377
22. **Pemikiran Perpindahan Pimpinan dan Tamadun Dalam Peradaban Manusia Menurut Ibn Khaldun: Satu Analisis Penilaian** oleh Ahmad Zaki Berahim@ Ibrahim & Norhayati Haji Hamzah 379-403
- BIODATA** 405-410

Kata Pengantar

Abu Zaid Abdul Rahman bin Khaldun (732AH/1332AD-808AH/1406AD) atau Ibn Khaldun sebagai antara pemikir Islam abad pertengahan yang paling *versatile* sememangnya tidak perlu diperkenalkan lagi. Warisan pemikirannya yang tersurat dalam helaian lipatan karya-karya besarnya merupakan suatu yang sentiasa *evergreen*, segar dan amat menarik untuk dikaji, diselidiki dan ditelaah. Perkara ini amatlah penting memandangkan suasana umat Islam kini sedang berada dalam keadaan yang cukup memerlukan sesuatu asas landasan pemikiran yang kukuh bertunjangkan tradisi ilmu dan hikmah Islamiah bagi membina kekuatan dan jatidiri peradaban Islam yang murni.

Ibn Khaldun bolehlah di anggap telah membawa pemikiran baru apabila beliau mengemukakan teori sosialnya berdasarkan suatu pendekatan saintifik dan pengamatan empirikal. Pada hemat beliau masyarakat manusia berubah mengikut resam dan tradisi pemikiran yang menerima pengaruh daripada sistem kepercayaan, keadaan muka bumi, persekitaran, iklim, makanan, hal keadaan emosi serta jiwa manusia. Beliau berpendapat institusi masyarakat berkembang mengikut tahapnya dengan tertib dan membentuk peradaban berasaskan suatu aturan yang akan menentukan jatuh bangunnya masyarakat tersebut. Teori ini kemudiannya dikembangkan dan dikenali sebagai teori kitaran sejarah. Pandangan Ibn Khaldun dikagumi tokoh-tokoh sejarah dunia seperti Bernard Lewis, Arnold Toynbee dan lain-lain. Beliau dilahirkan di Tunisia dan keluarganya dikatakan berasal dari Hadhramawt. Sebagai kana-kanak Muslim pada waktu itu, beliau mengikuti dan mempelajari al-Quran daripada orang tuanya sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi sambil dibantu oleh tokoh-tokoh sejarawan dan ulama Tunis serta Sepanyol. Sumbangan Ibn Khaldun dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu tidak sahaja terhad kepada dunia Islam. Karya beliau juga ditelaah oleh para sarjana

diserata dunia. Kitab beliau yang paling masyhur *Muqaddimah* telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa.

Sehingga kini kitab ini masih menjadi rujukan penting bagi umat Islam, khususnya dalam kajian sosial ilmu, politik, falsafah dan sejarah. *Muqaddimah* menghuraikan ciri dan sifat penting dalam kehidupan masyarakat, proses pembentukan negara, faktor kemajuan serta kemunduran, selain menerangkan perkara-perkara yang berkaitan bidang perniagaan, perindustrian dan pertanian. Ini menjadikan karya beliau umpama sebuah ensiklopedia yang mengisahkan pelbagai perkara dalam sejarah dan kehidupan sosial manusia. Beliau mengemukakan pandangan bahawa tugas kerajaan bukanlah hanya terhad kepada mempertahankan rakyatnya daripada keganasan, melindungi harta persendirian, menghalang penipuan dalam perdagangan dan menguruskan penghasilan wang. Pemerintah perlu melaksanakan kepemimpinan politik secara bijaksana dengan memberikan keutamaan kepada kestabilan dan perpaduan masyarakat. Beliau melihat pembangunan ekonomi sebagai sesuatu yang perlu dilandaskan kepada konsep keadilan sejagat dengan mengambil kira segala aspek keperluan hidup manusia. Ini kerana kepincangan ekonomi boleh menyebabkan ketidak stabilan sosial. Beliau menyokong perdagangan bebas tetapi mestilah berteraskan nilai dan norma yang berteraskan kejujuran dan keadilan.

Berasaskan sumbangannya yang begitu besar maka wajarlah beliau diingati dan diberikan penghargaan. Sehubungan dengan itu Seminar yang dianjurkan bagi memperingati 600 tahun pemergian beliau adalah sesuatu yang amat bertepatan. Dengan cara ini pemikiran tokoh besar ini dapat digarap dan ditelaah oleh para sarjana bagi melihat kerelevannya dengan cabara-cabaran baharu yang sedang dihadapi oleh umat manusia kini. Semoga inisiatif yang diambil oleh Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya dan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Universiti Putra Malaysia menganjurkan seminar memperingati tokoh ini dan seterusnya menerbitkan prosiding bagi membolehkannya dijadikan bahan rujukan di kalangan akademik yang berminat mendalami sumbangan pemikiran tokoh besar ini, akan dapat menyumbang kearah memperlihatkan kerelevanan Ibn Khaldun hari ini.

Sidang Penyunting.

Ucapan Perasmian

Prof. Madya Dr. Laily Paim
Dekan, Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan izinNya, kita sekali lagi dapat sama-sama berkumpul untuk menjayakan diskusi ilmiah dalam satu seminar yang dinamakan **Seminar Kebangsaan Memperingati 600 Tahun Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari**.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Pusat Dialog Peradaban, UM dan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM kerana telah bekerjasama dan berganding bahu untuk menganjurkan seminar ini. Kerjasama seumpama ini amat dialu-alukan dalam usaha untuk memperkenalkan Pusat Dialog Peradaban dan juga JPKK serta Fakulti Ekologi Manusia kepada masyarakat umum. Wacana ilmiah yang diadakan pada hari ini juga membuktikan bahawa kedua-dua pihak amat prihatin dengan perkembangan isu-isu ketamadunan serta cuba untuk menyoroti kembali pemikiran tokoh-tokoh agung seperti Ibn Khaldun. Saya amat berharap agar kerjasama yang termeteri pada hari ini akan diteruskan pada masa-masa akan datang.

Bagi pihak Fakulti Ekologi Manusia, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Pengarah Pusat Dialog Peradaban, Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, pembentang dan peserta yang terlibat dalam menjayakan seminar ini. Kepada urusetia seminar yang telah bertungkus lumus menjayakan seminar ini, syabas dan tahniah saya ucapkan. Diharapkan agar seminar ini akan mencapai matlamat yang telah digariskan dan semoga Allah S.W.T memberkati segala usaha kita.

Ucuptama Ibn Khaldun: Tradisi Ilmu dan Relevansinya dalam Wacana Kontemporari

Dr. Zaid Ahmad

Abstrak

Antara sumbangan besar Ibn Khaldun dalam pemikiran peradaban ialah usahanya meletakkan suatu landasan yang cukup kukuh bagi penerusan tradisi keilmuan dan intelektualisme Islam. Ini dapat dikesan daripada ketajaman tilikan ilmiahnya dan keupayaannya dalam mengklasifikasikan ilmu serta mengungkapkan sudut-sudut penting dalam rangka pemugaran tradisi ilmu, khususnya dalam peroses pembinaan peradaban. Dalam menggarap erti dan makna peradaban, beliau kelihatan cuba membebaskan dirinya dari ikatan atau kepompong pemikiran terdahulu dan juga pemikiran zamannya. Dalam merakam dan menilai sari peristiwa beliau memberikan suatu ruh baru dalam ilmu pensejarahan menjadikannya suatu bidang ilmu yang penting. Beliau merupakan ahli falsafah sejarah yang awal menggarap dan menafsirkan konsep *ibrah* secara praktis dalam ertikata semua rentetan peristiwa sejarah mempunyai nilai tauladan yang perlu dijadikan pedoman dan pengajaran. Di tangan beliau sejarah dan pensejarahan disiram subur sebagai suatu disiplin ilmu yang sentiasa hidup dan relevan.

“....dan didalam kisah mereka terdapat ibrah (pelajaran) bagi ulil albab” (al-Quran Sura Yusuf ; 111)

Latar belakang

Tanggal 17 March 2006 (bersamaan 17 Safar 1427) genap enam ratus tahun pemergian seorang tokoh besar dan pemikir yang cukup berpengaruh, Abdurahman bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Al-Hasan bin Jabir bin Muhammad bin Ibrahim bin Abdurahman bin Ibn Khaldun. Beliau kembali ke rahmatullah pada 17 March 1406 (bersamaan 25 Ramadhan 808) di Kaherah Masir pada usia 74 tahun.

Sepanjang sejarah nama beliau telah diabadikan dalam berbagai sifat, bentuk dan keadaan. Ternyata beliau seorang tokoh luar biasa yang ufuk pemikirannya menyelusur jauh melampaui batas ruang dan masa. Sesudah enam abad pemergiannya, karya-karya beliau masih segar, ditelaah, ditekuni dan malah dinikmati oleh para sarjana pelbagai bidang di serata benua. Beliau adalah harta dan khazanah yang cukup bernilai warisan buat umat manusia. Sesungguhnya nama besar yang dimiliki oleh beliau umpama bunga yang harum mewangi menjalar di pelosok buana merentas musim, zaman dan sempadan.

Beliau hadir sebagai tokoh ilmuwan besar yang namanya cukup dikenali di timur dan barat. Ibn Khaldun telah mewariskan suatu legasi tradisi ilmu yang amat bernilai untuk tatapan generasi sepanjang zaman. Sepanjang enam abad dikaji dan ditelaah, sesungguhnya masih banyak segi-segi penting dicelah-celah pemikiran beliau yang masih berada dalam lipatan yang belum terungkap. Beliau telah melandaskan suatu gagasan intelektual yang sukar ditandingi oleh pengarang sebelum dan (mungkin?) sesudah beliau.

Magnum opus beliau Muqadimah merupakan antara karya yang paling banyak dibaca, ditelaah, dikaji dan dirujuk. Pujian dan penghargaan yang beliau diterima lewat karya tersebut dari khalayak akademia antarabangsa sehingga kini adalah sesuatu yang jarang diperolehi oleh mana-mana sarjana. Berasaskan wibawa yang dimilikinya dalam ketajaman akal dan kejernihan fikrahnya beliau berupaya mengungkapkan kerencaman dan kompleksiti peradaban dengan begitu berkesan sehingga karyanya itu amat dikagumi oleh sesiapa yang membacanya. Ketajaman penanya memungkinkan beliau dipuja misalnya oleh Arnold Toynbee sebagai seorang genius. Dalam menzahirkan kekagumannya terhadap Ibn Khaldun Toynbee menulis

In his chosen field of intellectual activity he appears to have been inspired by no predecessors and to have found no kindred souls among his contemporaries and to have kindled no answering spark of inspiration in any successors; and yet, in the Prolegomena (*Muqaddima*) to his *Universal History* he has conceived and formulated a philosophy of history which is undoubtedly the greatest work of its kind that has ever yet been created by any mind in any time or place. It was his single brief 'acquiescence' from a life of practical activity that gave Ibn Khaldun his opportunity to cast his creative thought into literary shape.²

Pujian seumpama ini sesungguhnya bukan mudah untuk dilafazkan oleh seorang ilmuan yang terkenal dengan gagah *intellectual superiority*nya lebih-lebih-lebih lagi pujian itu untuk seorang ilmuan Islam.

Robert Flint (1838-1910), seorang ahli sejarah pemikiran terkemuka berbangsa Scottish ketika merakamkan penghargaannya kepada ketokohan Ibn Khaldun menulis

*As a theorist of history he had no equal in any age or country until Vico appeared, more than three hundred years later. Plato, Aristotle and Augustine were not his peers...*³

Dalam kertas ini saya sekadar mengungkapkan sedikit cebisan dari legasi ketokohan dan keilmuan Ibn Khaldun sebagai seorang pemikir besar Islam. Mungkin apa yang saya paparkan ini tidak berupaya membentangi keluasan ufuk pemikiran Ibn Khaldun, bahkan hanya sekadar mengungkapkan segi-segi yang dapat saya tilik dari wacana tentang ilmuan tersohor ini. Saya tidak memberikan tumpuan kepada biografi beliau kerana biografi beliau telah banyak diperkatakan. Sebaliknya, perkara yang pada hemat saya lebih *awla* daripada itu adalah gagasan inelektualismenya dan tradisi kesarjanaan yang ditinggalkan oleh beliau bagi kita mengambil manfaat dan iktibar. Berpegang kepada prinsip menilik cermin sejarah adalah guru terbaik bagi kelangsungan sesebuah peradaban, maka wacana tentang pemikiran dan kecendekiawanan silam bagi mencari hikmah dan mengambil iktibar daripadanya pastilah sesuatu yang amat penting dan bermanfaat.

***Khaldunian* sebagai sebuah wacana**

Sejak sekian lama pemikiran Ibn Khaldun dibaca, dibagas, dikaji, diselidiki dan digarap oleh para sarjana dalam pelbagai disiplin ilmu. Karya ulungnya telah diterjemah kesekian banyak bahasa dunia dan kini menjadi rujukan penting dalam pelbagai bidang ilmu.⁴ Ribuan tulisan dan kupasan mengenai pemikiran beliau telah dihasilkan diseluruh dunia dan ditatap oleh pelbagai peringkat.

Hari ini kita berhimpun bagi memperingati ketokohan dan kewibawaan beliau dan pada waktu yang sama cuba menggarap kembali segi-segi dan sudut-sudut penting dalam dalam lipatan helaian karya dan pemikiran beliau termasuk yang telah dan masih belum dirungkai dan diterokai. Berbagai rumusan dan kesimpulan yang mungkin akan lahir dari wacana ini sudah tentulah dapat dijadikan landasan bagi kita mengahadapi cabaran dan simpang siur hari-hari mendatang.

Dalam konteks peradaban Islam, Ibn Khaldun merupakan seorang tokoh yang cukup istimewa. Ini kerana berasaskan *timeline* sejarah peradaban dan ketamadunan Islam, era beliau aktif dalam kerja-kerja akademiknya iaitu penghujung abad 14M/8H, adalah era ketika mana peradaban dan ketamadunan Islam sedang berada di ambang kemerosotannya. Dengan itu beliau adalah antara tokoh bertuah yang berpeluang menyaksikan kitaran atau pusingan sejarah ketamadunan dan peradaban Islam dari proses kebangkitan, kegemilangan dan kemudiannya kemerosotan. Dan beliau pada waktu yang sama adalah juga sebahagian daripada proses tersebut. Sebagai pengamat sosial yang tajam, kedudukannya ini memungkinkan beliau menilik segi-segi penting dalam setiap proses tersebut dan kemudiannya mengemukakan kerangka teori ketamadunannya sendiri yang dikenali sebagai teori kitaran sejarah (*cyclical theory*) yang masyhur itu. Sekali lagi antara pengagum teori Ibn Khaldun ini adalah sejarawan British Arnold Toynbee (1889-1975)⁵

Resam dunia kesarjanaan, kerangka teori *cyclical* Ibn Khaldun tidak terlepas dari berhadapan dengan kritikan dan sanggahan dari kalangan yang tidak sealiran khususnya sarjana dan sejarawan yang mendokong faham atau mazhab *linear*.⁶ Saya tidak bertujuan memanjangkan polimik *cyclical vs linear* ini kerana tujuan kertas ini bukanlah membahaskan simpang siur dalam pemikiran historiografi. Saya kemukakan hal ini sekadar untuk memperlihatkan bahawa cetusan buah fikiran Ibn Khaldun itu adalah sesuatu yang topikal, masih segar

dan relevan untuk terus didebatkan. Hakikat bahawa idea dan pemikirannya menjadi topik perdebatan, sesungguhnya membuktikan yang idea itu tidak usang ditelan zaman.

Atas semangat yang sama maka wacana mengenai tokoh seperti Ibn Khaldun ini perlu diurus perdanakan. Umat yang memiliki keunggulan peradaban adalah umat yang sentiasa teguh mempertahankan tradisi dan warisannya dan tidak pernah menganggapnya sebagai telah usang. Sebagai perumpamaan lihat sahaja masyarakat dan tradisi Eropa yang begitu kuat menghargai dan mempertahankan keserjanaan silamnya. Jikalau ke Eropa, berkunjinglah ke gedung-gedung bukunya, pasti kita menemukan karya-karya terbaru tentang filsafat klasik Greek dan kesusasteraan klasik Roman. Kita maklum bahawa karya dan pemikiran tokoh-tokoh Graeko-Roman itu telah pun berlalu lebih dua millennium. Kalau di negara dan masyarakat yang sudah dianggap maju itu pun masih tetap menghargai warisan klasik Socrates, Plato dan Aristotles, bagaimana mungkin kita meninggalkan atau melupakan tokoh sebesar Ibn Khaldun.

Ibn Khaldun tersenarai dalam barisan “*macrohistorians*” terkemuka dunia yang mana karyanya menjadi rujukan penting dalam kajian historiografi modern.

Oleh kerana *Muqaddimah* adalah tulisan Ibn Khaldun yang paling utama atau merupakan mahakarya atau masterpiece-nya, ada baiknya kita mengembalikan ingatan sedikit tentang apa yang terungkap dalam tulisannya ini. *Muqaddimah* mengandungi enam bahagian atau kitab yang dipecahkan lagi kepada tajuk-tajuk kecil. Bab atau kitab pertama beliau membentangkan sosiologi secara umum. Kitab kedua menghuraikan proses sosial dari masyarakat desa yang simple kepada masyarakat bandar yang kompleks. Kitab ketiga berbicara tentang sosiologi politik termasuk struktur, fungsi dan institusinya. Kitab keempat membahaskan sosiologi bandar termasuk budaya dan gaya hidup masyarakat bandar. Dalam kitab kelima Ibn Khaldun bercakap tentang ekonomi dalam segala aspeknya dan kaitannya dengan tabiat kehidupan manusia. Manakala buku keenam iaitu yang terakhir daripada *Muqaddimah* memperkatakan tentang epiatemologi dan sosiologi ilmu.

Dalam pengenalannya kepada *Muqaddimah*, Ibn Khaldun memperkatakan tentang ilmu sejarah, kepentingan dan kerelevanannya. Bagi beliau sejarah adalah ilmu yang hidup dan amat mustahak bagi manusia mendapat pengajaran. Dari sinilah beliau mengemukakan konsep “*al-‘ibar*” iaitu tauladan bagi generasi kemudian. Bangsa yang

tidak menghargai sejarahnya adalah bangsa yang bakal dihukum oleh sejarahnya sendiri. Pada bahagian ini beliau beliau juga mengambil kesempatan melontarkan kritikan tajam terhadap sejarawan sebelumnya yang pada hemat beliau tidak menggunakan kaedah yang betul dari segi menentukan kesahihan maklumat.⁷

Bagi menegaskan konsep “*al-ibar*” Ibn Khaldun mengemukakan suatu kerangka kaedah atau pendekatan saintifik bagi menentukan kesahihan sesuatu maklumat. Ini penting bagi menentukan kewibawaan faktanya dan membolehkan sejarah dipertanggung jawabkan, difahami dan kemudiannya dapat dijadikan rujukan oleh generasi kemudian. Ini menjadikan ilmu sejarah bukan lagi dilihat sebagai suatu bentuk naratif penceritaan semata-mata tetapi sebagai suatu bidang kajian yang mempunyai nilai ilmiah.

Melalui *Muqaddima*, Ibn Khaldun menggarap suatu wacana ilmu yang beliau sendiri memperakukannya sebagai suatu ilmu baru (*ilm al-mustanbat al-nash’a*). Beliau menyifatkan ilmu *umran* sebagai suatu ilmu yang tersendiri (*ilm mustaqill bi-nafsihi*)⁸ Beliau memperkenalkan ilmu *umran* dalam rangka mengemukakan suatu asas bagi mengungkapkan fenomena kemanusiaan, sosial dan peradaban manusia. *Umran* membayangkan hubungan antara manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. *Umran* juga membayangkan bagaimana manusia dan alam perlu tunduk dan patuh kepada suatu hukum yang ditentukan oleh Penciptanya iaitu sunnatullah.

Dalam wacana ‘*umrannya*, Ibn Khaldun menghuraikan hubungan antara manusia, alam dan Penciptanya. Melalui projek *umrannya*, IbnKhadun telah mengemukakan suatu model keseimbangan dalam memenuhi tuntutan tabii manusia, jasmaniah dan rohaniah – sebagai haiwan rasional dan khalifah Allah di bumi.

Model peradaban yang dikemukakan oleh beliau mengambil kira segala aspek biologi, fizikal, spiritual dan fitrah manusia. Beliau mengemukakan konsep *umran hadhari* dan *umran badawi* bagi memperlihatkan proses yang dilalui oleh sesebuah masyarakat menuju peradaban. Huraian beliau tentang sifat dan ciri masyarakat desa dan bandar jauh mendahului Ferdinand Tönnies (1855-1936) yang cukup terkenal dengan konsep *Gemeinschaft* dan *Gesellschaft*nya itu.

Beliau menggariskan ciri-ciri penting yang ada dan perlu dimiliki oleh masyarakat yang ingin bergerak maju dan berubah dari status *badawi* kepada *hadari*. Beliau mengemukakan ciri-ciri dan sifat-sifat penting yang harus dan perlu dimiliki oleh masyarakat yang maju dan bertamadun. Beliau juga menggariskan elemen-elemen penting yang

Buku ini diterbitkan hasil daripada pembentangan kertas kerja dalam Seminar Kebangsaan Memperingati 600 Tahun Ibn Khaldun yang bertemakan Pemikiran Ibn Khaldun dan Relevansinya Dalam Tamadun Kontemporari anjuran bersama Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya dan Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. Dengan adanya bahan bacaan ini, generasi sekarang dan akan datang akan dapat lebih mengenali Ibn Khaldun, tokoh tersohor ini. Beliau telah memberi fokus kepada sains pemodenan dan pentamadunan. dan pemikirannya boleh dimanfaatkan dari sudut pembinaan tamadun dan negara bangsa khususnya dalam konteks masyarakat pelbagai agama dan etnik di Malaysia, rantau ini dan dunia. Buku ini akan mengupas pemikiran Ibn Khaldun dalam aspek-aspek:-

- Ibn Khaldun dan Tradisi Ilmu
- Ibn Khaldun Ilmu Pendidikan dan Sains
- Ibn khaldun dan perubahan sosial
- Ibn khaldun dan masyarakat Islam
- Ibn Khaldun dan Perubahan Sosial
- Pemikiran Ibn Khaldun dalam Bidang Ekonomi
- Ibn Khaldun dan Sosio Politik
- Ibn Khaldun dalam Pembangunan
- Ibn Khaldun dan Kemanusiaan

ISBN 978-983-3070-26-8



9 789833 070268

Dicetak oleh:
Penerbit Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur